



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran
Perdana Presint 4, 62100
Putrajaya

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami: KPKT/BPK/19/7/4 Klt.48 (13)

Tarikh: 28 April 2019

SIARAN MEDIA

KONVENSYEN PEMERKASAAN MAJLIS PENGURUSAN KOMUNITI KAMPUNG (MPKK) KAMPUNG BARU

PUTRAJAYA, 28 April 2019 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menganjurkan Konvensyen Pemeraksanaan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru selama dua hari bermula 27 April hingga 28 April 2019 di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Majlis perasmian penutupnya telah disempurnakan hari ini oleh YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Konvensyen yang menghimpunkan hampir 800 orang pengerusi dan setiausaha MPKK Kampung Baru dari seluruh negara ini diadakan selaras dengan hasrat KPKT untuk memperkasakan peranan dan tanggungjawab MPKK dalam pentadbiran dan pembangunan Kampung Baru di seluruh negara. Kampung Baru merupakan kampung-kampung yang ditubuhkan di bawah Ordinan Kecemasan (Rancangan Briggs). Selaras dengan peredaran masa, kini terdapat 613 buah Kampung Baru termasuk kampung bagan dan rangkaian.

Pelbagai topik terkini telah diketengahkan dalam konvensyen ini dan ia melibatkan seramai 15 orang tokoh yang berpengalaman untuk mengupas pelbagai isu yang menjurus kepada lapan (8) fokus utama iaitu:-

1. Dasar Komuniti Negara;
2. sejarah dan hala tuju kampung baru;

3. pemberdayaan wanita;
4. pengurusan keselamatan;
5. pendidikan, kesenian dan kebudayaan;
6. bantuan kewangan komuniti;
7. pengurusan alam sekitar komuniti; dan
8. pemerkasaan peranan dan tanggungjawab MPKK.

Antara tokoh-tokoh yang berkongsi pengalaman dalam konvensyen ini adalah Yang Berhormat Ng Sze Han, Pengerusi Tetap Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru Negeri Selangor dan Yang Berhormat Ginie Lim, Pengerusi Tetap Jawatankuasa Wanita, Hal Ehwal Kebajikan dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Melaka.

Penganjuran Konvensyen ini bakal membuka ruang dan peluang kepada ahli MPKK untuk lebih aktif berinteraksi dengan komuniti kampung dan memainkan peranan yang signifikan dalam usaha melibatkan masyarakat dalam pembangunan negara. Konvensyen ini juga dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada MPKK Kampung Baru agar mereka dapat melaksanakan tanggungjawab dengan cekap, berkesan, berintegriti, berakuntabiliti dan sentiasa berkhidmat untuk menjamin kesejahteraan komuniti kampung.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin. Di bawah Kementerian ini terdapat 7 Jabatan iaitu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia; Jabatan Perumahan Negara; Jabatan Kerajaan Tempatan; Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara; Solid Waste Corporation Malaysia; Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata; dan Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
 b.p. Ketua Setiausaha
 Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my